

# Menilai semula peranan

BH  
5/8/08  
M/S 14

## Cabaran abad baru ke arah dimensi peringkat global

Oleh Azman Zakaria  
[azmanz@bharian.com.my](mailto:azmanz@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mahu kakitangan awam menilai semula peranan mereka dengan pendekatan baru bagi menghadapi cabaran negara pada abad ke-21, meskipun perkhidmatan awam berjaya membangun dan meningkatkan keupayaan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dalam tempoh cuma lima dekad, perkhidmatan awam bukan saja berjaya mengurus negara tetapi meletakkan nama Malaysia pada pentas dunia.

paian perkhidmatan awam, tinjauan Institut Integriti Malaysia baru-baru ini menunjukkan tanggapan orang ramai terhadap sektor itu adalah lebih rendah daripada persepsi mereka terhadap rasuah.

"Banyak perlu dilakukan untuk meningkatkan imej perkhidmatan awam," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Perkhidmatan Awam ke-13 di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), di sini, semalam.

Persidangan anjuran Intan dan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PP-TD) itu dihadiri 800 peserta termasuk beberapa menteri,



**PENUH TUMPUAN:** Kakitangan kerajaan mendengar ucapan Najib pada Majlis Perasmian Persidangan Perkhidmatan Awam ke-13, semalam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam.

malkan tiga nilai bagi terus mendapat kepercayaan rakyat, iaitu budaya mengejar kecemerlangan, berpengetahuan dan melengkapkan

pengambilan pekerja, kenaikan pangkat dan penugasan kakitangan yang akan menarik lebih ramai cerdik pandai menyertai sektor itu.

01/9/2022

Bagaimanapun, katanya, cabaran abad ke-21 pula adalah untuk memajukan negara ke arah dimensi baru, termasuk pada peringkat global.

“Bagaimana baik sekalipun mutu perkhidmatan awam selama ini, kita tidak boleh puas hati kerana kita mungkin dipintas dalam persaingan. Kita mesti sentiasa satu langkah di depan jika mahu memastikan kelangsungan dalam suasana global.

“Di sebalik pelbagai langkah yang diambil untuk meningkatkan sistem penyam-

**“***Tinjauan Institut Integriti Malaysia menunjukkan tanggapan orang ramai terhadap sektor ini adalah lebih rendah daripada persepsi mereka terhadap rasuah”*

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

Najib juga berkata, pengaruh kepemimpinan dalam perkhidmatan awam berhubung nasihat dan pelaksanaan dasar serta membuat keputusan mempunyai kesan mendalam terhadap kehidupan rakyat.

Sambil memberi contoh keretakan jejambat Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), beliau berkata, keputusan yang tidak sempurna akan meninggalkan kesan besar kepada masyarakat keseluruhannya.

Beliau juga berkata, kakitangan perkhidmatan awam mesti memiliki dan menga-

mindanya menempuh abad ke-21.

Katanya, budaya mengejar kecemerlangan bererti menetapkan standard prestasi tinggi dengan matlamat dan perancangan yang realistik untuk mencapainya.

Beliau berkata, kepemimpinan perkhidmatan awam juga perlu memastikan budaya pembelajaran secara berterusan sentiasa wujud di agensi masing-masing bagi melahirkan kakitangan berpengetahuan.

Justeru, katanya, seperti dicadangkannya tahun lalu, fleksibiliti mesti ada dalam

Menjelaskan perkara itu pada sidang media kemudian, Najib berkata, dengan fleksibiliti atau syarat kemasukan berbeza ke perkhidmatan awam, sektor itu akan dapat mencari kalangan terbaik termasuk daripada perkhidmatan lain menyertainya termasuk sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik.

Najib juga berkata, perkhidmatan awam mesti mewujudkan suasana untuk membolehkan kakitangan sentiasa mengamalkan etika dan nilai kerja yang akan membentuk minda bagi menghadapi cabaran abad ke-21.